

28/11/1999

Pengorbanan Dr Siti Hasmah

WAWANCARA isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bersama pengacara Wan Zaleha Radzi dan Azalina Othman Said dalam rancangan Dateline Malaysia yang disiarkan menerusi Asia News Broadcast dan RTM semalam.

Datin Seri, masyarakat mengenali Datin Seri sebagai isteri Perdana Menteri, seorang wanita profesional menerajui pelbagai program amal meningkatkan taraf kesihatan dan kehidupan. Datin Seri juga salah seorang doktor Bumiputera pertama di Malaysia. Mengapa Datin Seri memilih kerjaya itu?

Sebenarnya sebelum perang, minat saya ialah kepada penulisan iaitu minat nak jadi wartawan, tetapi selepas perang bertukar minat saya sebab dalam peperangan itu kita lihat banyak kesusahan, ada banyak orang yang tak cukup makan dan dari situ banyak penyakit yang timbul. Masa Jepun pun mak saya mendapat penyakit cirit-birit, mungkin taun. Selepas itu baru terfikir ia satu bidang yang patut saya ceburi. Lagipun bila sesiapa dalam keluarga cedera, mak saya panggil saya dulu sebab saya tahan tengok luka, tahan tengok darah dan sayalah yang akan cuci dan balut luka. Mungkin dari situ sudah ada benih untuk jadi seorang doktor.

Datin Seri pada masa itu kerjaya itu dikuasai lelaki, apakah Datin Seri hadapi masalah?

Dalam pemilihan pelajar yang memohon untuk mengambil kursus kedoktoran di Singapura memang ramai lelaki dan saya adalah di antara pelajar yang memohon daripada bangsa Melayu. Kurang sangat waktu tu.

Memandangkan Datin Seri seorang pelopor wanita dalam dunia perubatan negara, apakah masalah yang dihadapi ketika menjalankan tugas memandangkan tahap kesihatan masa itu masih rendah?

Lelaki memang ambil kesempatan, bila ada kerja berat sikit mereka bagi pada kita supaya mereka lepas. Tetapi sebagai kawan kita jadi macam satu pasukan bertugas di hospital. Sebagai houseman di Hospital Kuala Lumpur, saya memang rapat dengan mereka dan apabila diminta berbuat sesuatu saya rela menerimanya. Bila hujung minggu mereka nak lepaskan diri pada hal houseman mesti kerja 24 jam, tetapi apabila mereka nak keluar mereka minta kita tengokkan.

Tidak ramai kakitangan wanita pada masa itu?

Tak ramai...saya sebagai seorang houseman wanita di situ.

Bagaimana Datin Seri hadapi peperiksaan perubatan masa itu?

Masa itu saya masuk King Edward Medical College di Singapura dengan cuma satu mata pelajaran sains iaitu Biologi. Masa sekolah tak ada kelas sains, kita hanya harapkan di Victoria Institution untuk dapatkan pembelajaran sains. Saya tak dapat peluang itu, tetapi nasib baik saya dapat ke Singapura dengan satu mata pelajaran sains, sebab itu selalu tergendala setiap kali peperiksaan.

Mengapa Datin Seri memilih bidang perubatan di situ?

Saya fikir waktu tu ayah saya memang menegaskan pendidikan biarlah dalam negeri. Ayah pun tidak ada banyak peruntukan untuk hantar anak ke luar negeri. Kita pun sudah ada satu universiti di Singapura.

Pernah Datin Seri dikatakan begitu bimbang dengan peperiksaan perubatan sehingga mengigau.

Agaknya saya kuat fikirkan saya mesti habis baca banyak buku. Selepas luluspun fikiran itu masih ada sehingga saya mengigau selepas lulus, kahwin dan pindah ke Alor Star, saya masih mengigau, bangkit berpeluh

memikirkan saya tak habis lagi baca buku dan esok saya nak periksa. Saya cuba memujuk hati saya supaya jangan risau dah jadi doktor.

Datin Seri doktor Melayu wanita yang kedua?

Yang kedua. Tan Sri Dr Salamah adalah yang pertama sekali. Dia sebagai idola kepada saya. Dia belajar pada tahun 50-an, masa Jepun dia berhenti dan pada 1946 dia masuk balik ke Singapura. Tahun 1947 saya masuk dan dia lulus. Saya lulus pada 1955, lepas itu Dr Norlaili dan ramai lagi pelajar di hantar ke luar negeri. Universiti Malaya pun sudah mula terima pelajar perubatan.

Dulu Datin Seri bersama suami ketika sama-sama mempelajari ilmu perubatan. Boleh cerita sedikit mengenai pertemuan pertama?

Kita bertemu memang di Singapura, di kolej. Pada bulan pertama tak berapa kenal, tetapi kita tahu anak Melayu cuma tujuh orang termasuk saya, itu yang membuatkan kita rapat, jadi satu pasukan dan kita tahu kelemahan masing-masing dalam pelajaran. Itu yang kita buat tuisyen untuk anak Melayu tahun pertama di King Edwards College iaitu mata pelajaran Fizik, Biologi dan Kimia. Mahathir memang cemerlang dalam Fizik, dia selalu membantu.

Kita sebagai kawan selalu pergi bersama berkelah, lepas itu mesra. Bukan saja Mahathir, kawan lain pun kawan dengan saya dan tahu kelemahan saya dalam mata pelajaran. Kita adakan kumpulan belajar, satu daripadanya Mahathir yang mengajar.

Siapa yang melamar siapa?

Saya tak nak kata saya yang lamar dia. Mungkin perasaan kasih sayang itu atau cinta itu secara perlahan. Dia pun rapat dengan saya dan saya tahu jasa-jasanya kepada saya pun banyak kerana dia mengajar saya dan menjaga saya dan dia melamar saya.

Selepas atau sebelum tamat pengajian?

Tahun 1949, sebelum tamat pengajian.

Datin Seri aktif dalam sukan, setahu saya bakal suami Datin Seri pada masa itu lebih suka bersendirian, apakah ini berlawanan?

Betul, dulu di sekolah beliau menyertai ragbi. Dia bermain sekali saja di Singapura, selain itu tak ada. Bila saya jemput dia main badminton, dia boleh main, tetapi tak berterusan.

Suami Datin Seri ada sifat bersendirian?

Mungkin dia anggap dia kurang masa untuk buat apa dia suka, seperti membaca dan menulis dia kena buat sendiri, tak boleh kongsi dengan orang lain, itulah dia selalu kita nampak menulis dan membaca bersendirian.

Bagaimana suasana dalam keluarga Datin Seri, adakah mereka main peranan penting dalam pembentukan diri Datin Seri?

Pendirian ayah saya ialah semua anaknya perlu melalui pendidikan yang baik. Sebab itu saya menganggap nasib saya amat bertuah mendapat seorang ayah yang berpendirian cukup kukuh sehinggakan sesiapa yang tak sekolah dirotan.

Ayah Datin Seri bekerja sebagai apa?

Pada masa itu ayah dah jadi official assignee dan public trustee, iaitu jawatannya yang tertinggi sekali dalam kerajaan sebelum bersara. Ayah saya lulus Standard Seven, masa dulu paling tinggi Standard Seven. Tetapi ayah saya berusaha untuk belajar kursus melalui pos dalam bidang undang-undang dan dia lulus.

Bukankah kelebihan Datin Seri kerana berada dalam keluarga yang punyai kedudukan dan pengaruh?

Keluarga saya bukan daripada keluarga yang kaya. Kaya dari segi banyak anak dan rapat dengan ibu bapa. Jagaan mak dan ayah itulah yang menyebabkan kita hidup sebagaimana mak dan ayah inginkan.

Jadi Datin Seri ada melihat kesusahan?

Ada mengalami kesusahan sebab masa Jepun umpamanya ayah yang berusaha.

Walaupun duduk di Selangor, di Kedah banyak beras, di Selangor tak ada. Sebab itu kita betul-betul jaga makanan. Mak ada nenek, adik-adik pula seramai 10, Hashim, Jaafar masih kecil waktu itu. Betul-betul susah, bila dapat seguni beras terus simpan dalam stor. Wang ringgit tak begitu susah kerana kita tak minta yang berlebihan, kemewahan tak ada. Apa yang mak dan ayah inginkan ialah kita hidup selesa, sihat dan keluarga itulah yang lebih utama.

Selepas Datin Seri jadi isteri dan harus menjalankan tugas serta tanggungjawab sebagai isteri dan ibu, apakah yang Datin Seri boleh kongsi dengan kita?

Selepas saya berumah tangga, saya tinggal di Kedah dan bertugas di hospital. Anak masih kecil tetapi nasib baik dapat pengasuh jaga anak di rumah. Bila balik dari hospital, kami di rumah sajalah. Suami saya pun kerja di hospital, bila balik kita tumpu perhatian kepada anak-anak. Bila petang bawa berjalan, bila cuti bawa pergi Pulau Pinang dengan keluarga semuanya. Bila anak semakin membesar tu, tumpuan adalah kepada mereka dan tumpuan saya adalah kepada suami bila dia berhenti dari hospital.

Datin Seri, bagaimana dalam tahun 1970-an bila suami Datin Seri dibuang dari Umno kerana terlampau lantang. Tidakkah Datin Seri sebagai isteri berasa marah dan mahukan suami meninggalkan politik dan memberi perhatian kepada keluarga dan kerjaya?

Tidak, sebab saya tahu politik sudah sehati dalam hati dia, daripada dulu sejak dia bersekolah. Kalau nak sekat dia daripada terus masuk politik selepas dia dibuang, saya fikir itu bukan peranan saya. Kalau saya nasihatkan bukan dia mahu dengar sebab politik ada dalam diri dia. Tetapi saya anggapkan pembuangan dia daripada Umno selama lima tahun ada hikmah tersendiri.

Kenapa?

Sebab masa tu, kami baru dirikan rumah baru. Pada 1969 ada rusuhan dan ada pilihan raya, kalau dia menang ketika itu ada kemungkinan yang kami akan pindah ke Kuala Lumpur. Kami baru tinggal di rumah baru cuma 10 hari. Saya bersyukur dia gagal dalam pilihan raya itu, kalah dan oleh sebab masalah politik itu dia disingkirkan dari Umno, dapatlah kami tinggal dalam rumah itu lima tahun.

Sudah lama melalui cabaran tugas lebih 40 tahun, adakah Datin Seri rasa diri Datin Seri dulu dan sekarang berlainan, adakah sesuatu yang tinggalkan kesan mendalam kepada Datin Seri?

Kalau nak banding dulu memang peranan saya sudah bertukar, bukan saja sebagai doktor biasa yang dah bersara tetapi sebagai isteri kepada pemimpin negara. Oleh kerana itu sudah bertukar dan lebih banyak lagi peranan saya sekarang, bukan saja sebagai ibu tetapi juga sebagai pemimpin wanita dalam masyarakat dan Bakti (Badan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri). Saya rasa menjadi satu cabaran kepada saya. Saya kena buat sesuatu untuk kebaikan wanita dan masyarakat tetapi kena menjaga imej sama, mesti tidak berbuat sesuatu yang melanggar apa yang suami saya utarakan kepada masyarakat. Peranan saya sebagai isteri perlu menjaga suami saya, selain itu perlu berbuat sesuatu kepada wanita dan masyarakat.

Adakah suami Datin Seri berbincang hal politik negara dengan Datin Seri?

Banyak orang menyoal saya tentang itu tetapi biar saya cakap terus terang di sini, apa juga yang berlaku, umpamanya Parlimen kita dibubar, saya dapat berita itu dari surat khabar. Tak ada langsung nak bisikkah, nak mengigaukah malam-malam. Sayalah manusia yang terakhir sekali yang mendapat berita itu.

Dalam pergolakan politik, kadang-kadang sebagai manusia kita merasa marah apabila orang membuat pelbagai tuduhan dan tohmahan, adakah Datin Seri pernah merasa penat, tak larat menghadapi situasi fitnah, tikam menikam, bagaimana?

Inilah yang saya rasa sedih, tohmah dan fitnah itu semua tidak benar, khasnya yang ditujukan kepada suami saya dan kerajaan yang dia pimpin. Saya patut tahu sebab saya serumah, sebilik dengan dia. Apa yang difitnah semua itu tak betul. Saya tahu yang suami saya tu bekerja kuat, keras, kadang-kadang tu kesian bila tengok dia tidur dan mata dia pejam, saya kesian inilah orang yang bekerja kuat tetapi dengan mudah saja orang melemparkan tohmahan kepada dia. Tak betul. Tetapi banyak saya terima surat, suami saya pun banyak terima surat daripada orang ramai yang mengucapkan terima kasih kepadanya, mengucapkan penghargaan mereka sebab dia menerajui kerajaan dan banyak memberikan pembangunan kepada mereka. Kalau nak katakan saya dah bosan kepada apa orang katakan kepada suami saya dan patut saya nasihatkan kepada suami saya supaya berhenti, tidak. Saya rasa selagi ada orang menunjukkan penghargaan kepada suami saya itu, saya rasa perlulah kita bertugas untuk masyarakat dan negara. Dia bukan bertugas untuk diri dia.

Dalam menjalankan tugas barangkali Datin Seri alami pelbagai risiko, apakah peristiwa yang menakutkan bagi Datin Seri? Saya pernah terbaca sewaktu Datin Seri pergi bersama dengan suami dalam helikopter semasa perang Bosnia, itu satu misi yang bahaya.

Itu pengalaman yang betul-betul menakutkan sebab waktu itu ada berita mengatakan apa juga pesawat, helikopter yang terbang ke dalam zon yang luar daripada zon keselamatan akan ditembak oleh pihak Serb. Kita daripada Rom pergi ke Split di Croatia, dari situ naik helikopter. Sebelum itu memang kita dapat latihan, kena pakai baju kalis peluru, kena pakai baju keselamatan, berat. Kita dinasihatkan jangan bawa apa melainkan diri kita, tapi saya bawa beg kecil. Kita diberitahu kalau helikopter ditembak atau terpaksa turun dalam air ketika menyeberang lautan, tinggal saja helikopter dan berenang. Mahathir pandang kepada saya dan saya pandang dia, saya kata tak payah berenanglah, kita turun macam itu sebab berat jaket yang kita pakai itu. Tetapi Alhamdulillah kita dapat masuk, kita ikut lereng bukit, terbang rendah saja supaya radar dia tak dapat kesan kita.

Apa fikiran Datin Seri ketika itu?

Kalau ditembak habislah kita di situ. Selain saya dengan suami saya ada komander dari Mindef, kalau ditembak habislah kita, tetapi Alhamdulillah dengan berkat Tuhan kita dapat sampai ke destinasi. Selepas itu kita berkereta, naik kereta kebal. Sebelum itu ada seorang askar kita meninggal apabila musuh baling bom tangan masuk dalam kereta kebal.

Apa yang memberi ketabahan kepada Datin Seri ketika itu?

Kita berdoa sajalah.

Tetapi Datin Seri tak perlu pergi?

Tak perlu pergi, tetapi suami saya ingin saya pergi dan ini satu peluang untuk kita jumpa dengan askar kita.

tak mahu turun ke padang kerana rasa diri mereka lebih baik dari rakyat, apa komen Datin Seri?

Saya tidak menyatakan tidak ada isteri yang seperti itu...ada. Bagi saya isteri pemimpin politik perlu turun ke akar umbi untuk berjumpa dengan rakyat, ini dapat mendatangkan kemesraan. Bukan kita nak berjanji apa-apa kepada mereka, tidak. Satu kemesraan di antara kita dan rakyat cukup. Cakap dengan mereka apa khabar, anak buat apa, sama seperti kita cakap dengan keluarga kita. Kita buat begitu, kemesraan melalui pertuturan dengan masyarakat.

Berbalik kepada peristiwa yang menakutkan, tadi Datin Seri cerita fasal Bosnia, bagaimana ketika suami Datin Seri lalui pembedahan jantung?

Itu peristiwa dalam keluarga saya yang amat menyedihkan sebab itu satu keputusan yang suami saya buat dengan serta-merta. Dia bersetuju mengadakan pembedahan di Kuala Lumpur dan dibuat oleh doktor kita sendiri,

berbangsa Melayu yang pakar dalam pembedahan jantung. Itu satu peristiwa yang penuh dengan risiko, tapi syukur dengan kepakaran Dr Yahya dan semua anggota di Hospital Besar Kuala Lumpur, suami saya dapat pulih semula.

Tetapi Datin Seri, dilihat pada status suami Datin Seri sebagai Perdana Menteri sudah tentu banyak kenalan pakar perubatan yang baik di luar negara. Mengapa perlu guna kepakaran di dalam negara?

Sehingga saat akhir dia bertegas hendakkan orang kita juga bedah dia. Dengan penuh keyakinan dia kata pada saya ambil Yahya. Pada hal pakar Amerika kata kalau nak bawa ke Amerika boleh pergi dengan dia esok hari. Sekejap itu dia panggil saya suruh panggil Yahya. Saya panggil Yahya dan terus dia kata pada Yahya, "I want you to do it."

Apa perasaan Datin Seri?

Syukur Alhamdulillah kerana saya tidak mahu suami saya keluar negeri jalani pembedahan ini. Saya tidak mahu mencadangkan, biarlah dia buat keputusan sendiri. Itu peranan saya, biar suami buat keputusan sendiri. Bila dia buat keputusan sendiri untuk Yahya bedah dia, saya ucap syukur. Pada hal dua anak saya ada di Amerika, senang saja kedua-dua mereka pergi tengok, tetapi Mahathir yakin dia perlu jalani pembedahan dalam negara.

Dalam menghadapi tugas yang penuh cabaran, adakah peranan agama membantu?

Peranan agama banyak sekali dalam pengalaman saya sendiri. Agama mendorong seseorang manusia untuk bersabar, mendapat keimanan, dan keyakinan. Apa yang berlaku kepada kita, sama ada yang baik atau yang buruk adalah daripada Allah, kita mesti terima itu. Tuhan memang kita tahu menunggu saja kita memohon dan berdoa kepadanya apa juga yang baik. Kita bukan berdoa sewaktu kita dalam kesusahan saja, seharian dalam hari biasa kita berdoa. Kepada saya agama adalah pegangan yang kita mesti ada. Saya berdoa kepada Allah setiap hari bukan saja dalam kesusahan. Berdoa untuk mencapai kebahagiaan di antara suami isteri dan anak. Doa panjang tiap kali lepas sembahyang untuk diri saya, keluarga dan rakyat jelata. Saya juga berdoa untuk suami saya, biarlah apa yang dia buat adalah dengan reda Allah demi kepentingan agama yang suci dan rakyat kita yang mengharapkan kepadanya dan juga negara.

Kebelakangan ini banyak kritikan dan tohmahan ditujukan kepada Datin Seri dan keluarga, apa reaksi Datin Seri?

Sebagai isteri apa juga yang dituduh kepada suami saya memang saya rasa sedih. Sebagai ibu pula mana juga kritik terhadap anak saya pun saya rasa sedih kerana kebanyakan tidak benar.

Apa pula perasaan Datin Seri apabila orang menggunakan nama keluarga?

Memanglah ada ahli keluarga besar hati kerana ada seorang dalam keluarga jadi ini jadi itu. Tetapi kami tak ambil tahu, tak ada kita menyuruh mereka berbuat demikian, mereka sendiri buat begitu. Kadangkala kita rasa segan, bila saya naik kereta dengan pengiring, rasa naik malu.

Bilakah Datin Seri dan Datuk Seri menjadi orang biasa?

Kami berdua menjadi orang biasa bila pergi ke pasar raya, kedai setiap minggu. Mahathir akan bawa kereta, jalan kaki sendiri pergi pasar raya, tolak troli sendiri. Dia suka memasak. Kadangkala orang tercengang tengok Perdana Menteri tolak troli.

Datin Seri korban masa kendali pelbagai projek bantu orang kurang upaya, bagaimana Datin Seri ingin dikenang?

Orang kenang kita atau tidak, tetap tak mengapa. Saya harap apa juga yang kita rancang seperti untuk basmi kemiskinan golongan tertentu di negara ini dapat dilaksanakan pada masa akan datang. Kita sudah banyak membantu. Saya berminat dengan cara Amanah Ikhtiar Malaysia menjalankan program dalam negara, dengan sistem mikro kredit ia beri bantuan tanpa syarat untuk wanita di bawah paras kemiskinan. Kita sangat berjaya. Ini memang perlu kita galakkan dan saya amat berbangga dengan apa yang Amanah

Ikhtiar Malaysia lakukan, saya mendorong mereka, menyokong mereka. Apa yang saya lakukan setakat ini adalah untuk atasi kemiskinan, untuk wanita dan kanak-kanak. Saya harap pengalaman saya sebagai doktor selama 23 tahun boleh menjadi kepuasan hati dan harap rakyat Kedah akan mengenangkan jasa saya sebagai seorang anak Selangor yang merantau mengikut suami ke Kedah. Saya dianggap anak Kedah, itulah yang saya amat hargai.

Wanita dan politik, adakah kita cukup wanita untuk menjadi pemimpin?

Saya rasa wanita yang berkelayakan masuk dalam politik memang ada, besar bilangannya, menjadi pengundi pun lebih ramai. Tetapi sama ada ini diiktiraf oleh lelaki atau orang yang berkuasa menentukan pemilihan wanita sebagai calon atau pemimpin itu perkara lain. Ramai, di luar memang ramai. Oleh sebab persaingan di antara lelaki dan wanita, itu yang membuat kita keterbelakang. Saya rasa wanita perlu diberi peluang.

Patutkah wanita merajuk bila gagal?

Jangan merajuk, tetapi gandakan usaha untuk menunjukkan wanita boleh bersaing dengan lelaki.

Bagaimana wanita harus bersedia untuk hadapi cabaran masa depan?

Kita hanya tahu bayangan, banyak perkara sekarang akan bertukar, maka wanita mesti fahami keilmuan dan alat canggih khasnya teknologi maklumat atau IT, kita mesti memahami dan menguasai ilmu komputer. Keduanya, kita mesti ceburi diri dalam pelbagai bidang seperti perusahaan dan pentadbiran supaya kita dapat kemahiran untuk memajukan lagi diri kita. Ketiga, kita tidak boleh lupa keluarga dan apa yang kita belajar kita mesti aturkan keluarga kita dan anak kita pelajarinya supaya mereka tidak ketinggalan. Komputer ini sudahpun berada dalam kehidupan kita dan akan terus ada pada alaf baru.

Baru-baru ini, Datin Seri ada memakai sling tangan, apa yang terjadi?

Ramai orang tanya, kesudahnya saya perlu cerita. Baru-baru ini orang tanya dan saya kata saya nak jadi calon tetapi suami saya tak bagi, jadi saya bertumbuk dengannya. Tahun 1995, saya ada sling sebelah kiri, bila pergi penamaan calon saya pakai sling tangan kiri, kali ini tangan kanan pula. Sebagai presiden Bakti saya perlu main badminton. Kami sedang bersiap sedia untuk pertandingan melawan pasukan Bakat yang kuat. Masa itu mereka sudah baca gaya saya bermain, dibaginya sebelah kiri maka tangan kanan kena buat pukulan backhand, itu yang menyebabkan sakit.

Terseliuh?

Bukan terseliuh, urat saya putus tetapi saya tak ambil kisah, malah main rubber set, itu yang buat saya cedera. Doktor kata pakai sling jangan main badminton, jangan masuk pertandingan. Tetapi malangnya, saya kena ikut suami pergi roadshow ke setiap negeri, pergi ke Siberia dan China. Bila kita melawat kita mesti bersalam, itu yang jadi masalah. Saya tak kisah bersalam deret pertama, tapi deret kedua saya kena hulur tangan saya, itu yang membuat tangan saya cedera lebih lagi. Bukan salah dia orang, salah saya sebab tak dengar nasihat doktor. Pada September 15, sebelum suami pergi ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, saya kena bedah untuk cantum semula urat dan mangkuk sendi bahu kanan mesti diperbetulkan kerana terkeluar. Enam minggu lagi terpaksa saya pakai sling, sebab itu saya tak pergi pertabalan atau majlis lain. Suami saya dah pesan, tolonglah gantung reket. Iktibar yang boleh diambil, selepas menjadi nenek dengan 12 cucu dan berumur 73 tahun, janganlah berlagak seperti berumur 23 tahun. Itulah nasihat kepada peminat badminton saya.

(END)